



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2018**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

1103/2

Kertas 2

September 2018

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi **24** halaman bercetak.

Markah penuh: 110 markah**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah
 (b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/ Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

Soalan 1: Rumusan**Pendahuluan (2 markah)**

- P1 **Petikan** membincangkan **akibat/ impak/ implikasi** trauma kepada emosi manusia **di Malaysia/di negara ini.** [2m]
- P2 **Petikan** membincangkan **akibat/ impak / implikasi** trauma kepada emosi manusia dan **langkah-langkah untuk mengubati trauma dalam kalangan pesakit.** [2m]
- P3 **Rumusan** membincangkan **akibat/ impak/implikasi** trauma kepada emosi manusia dan **sebab-sebab pesakit perlu mengatasinya.** [2m]
- P4 **Rumusan** membincangkan **akibat/impak/implikasi** trauma kepada emosi manusia. [1m]
- P5 **Petikan** membincangkan **akibat/ impak / implikasi** trauma kepada emosi manusia dan **sebab-sebab pesakit perlu mengatasinya.** [1m]
- P6 **Petikan** membincangkan **kesan-kesan trauma kepada emosi manusia.** [0m]
- P7 **Rumusan** membincangkan **kesan-kesan trauma kepada emosi manusia.** [0m]

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**Kesan-kesan trauma kepada emosi manusia**

- S1 Gangguan mental. [2m]
- S2 Sukar tidur/ mengalami insomnia yang serius [2m]
- S3 Tidak dapat menumpukan perhatian terhadap semua perkara yang dilakukan. [2m]
- S4 Mudah terkejut, cepat marah dan panik dalam semua situasi [2m]
- S5 Sering berasa sedih dan bersalah [2m]
- S6 Mengalami mimpi yang buruk, serta imbasan dan reaksi yang diperbesar. [2m]
- S7 Menyuarakan keinginan untuk mati [2m]
- S8 Mengganggu aktiviti normal seseorang [2m]

Isi Tersirat [4 hingga 8 markah]**Sebab-sebab pesakit perlu mengatasinya**

- T1 Dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa/normal [2m]
- T2 Emosi tidak terganggu [2m]
- T3 Tidak menjejaskan hubungan dengan masyarakat sekeliling [2m]
- T4 Tidak membebankan ahli keluarga [2m]
- T5 Dapat mengurangkan kos perubatan [2m]

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan

- K1 **Kesimpulannya**, semua pihak perlu membantu pesakit trauma agar mereka boleh menjalani kehidupan yang sihat. [2m]
- K2 **Kesimpulannya**, pesakit trauma perlu dibantu supaya aktiviti harian dapat dilaksanakan dengan lebih baik. [2m]
- K3 **Kesimpulannya**, semua pihak perlu membantu pesakit trauma. [1m]
- K4 **Kesimpulannya**, pesakit trauma boleh menjalani kehidupan yang sihat. [0m]

(Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 8	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/ tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 5	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/ sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	1
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.	3
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2

- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) **Maksud** rangkai kata *membelenggu minda*

P1	mengganggu / merosakkan/ mengekang fikiran/ akal	2
P2	membelenggu fikiran / akal	1
P3	mengganggu minda	1
P4	menjejaskan fikiran	0
P5	mengganggu otak	0

[Maksimum:2 markah]

(ii) **Langkah-langkah:**

- P1 terapi bersama-sama ahli keluarga merupakan usaha yang relevan untuk membantu pesakit
- P2 terapi kognitif tingkah laku perlu dijalani oleh pesakit
- P3 ubat antikemurungan seperti *Prozac* dan *Zoloft*

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) **Usaha-usaha:**

- P1 Kementerian Kesihatan perlu menyediakan rawatan psikiatri di hospital
- P2 Pusat kaunseling hendaklah menyediakan khidmat kaunseling
- P3 Ibu bapa / keluarga mendapatkan khidmat pusat rawatan alternatif
- P4 Peranan masyarakat memberi sokongan moral

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi tanpa huraian]

[Atau: 2 isi (1 isi + 1huraian)]

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden**(i) Pesanan bonda:**

- P1 kota besar itu sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya
- P2 kota yang sekadar dibangunkan dengan kempen dan slogan
- P3 slogan itu sarat dengan api prasangka
- P4 runcing prejudis pada warganya yang berbilang bangsa
- P5 bercampur aduk budaya dan bahasa pertuturannya
- P6 manusia dipisahkan oleh benteng-benteng ketaksuban dan kepentingan diri

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Masyarakat semakin melupakan nilai tradisi:**

- P1 pengaruh media sosial
- P2 aktiviti kemasyarakatan yang semakin terpinggir
- P3 pengaruh budaya asing
- P4 jati diri semakin terhakis
- P5 kesibukan masa dengan tugas harian/kerjaya

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Satu pengajaran dalam petikan cerpen:**

- P1 **Kita mestilah memartabatkan bahasa kebangsaan.** [1+1]
Huraian: Bonda berpesan kepada Mel bahawa agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang.
- P2 **Kita haruslah menghargai nasihat yang diberikan.** [1+1]
Huraian: Mel mengingati pesanan bonda yang masih terpahat di hati dan di sanubari.
- P3 **Kita hendaklah mempunyai jati diri yang kuat.** [1+1]
Huraian: Fahaman diri tidak mudah dilunturkan oleh ideologi, puak dan etnik, warna kulit, bahasa percakapan dan fahaman politik.
- Kita hendaklah taat akan perintah dan larangan ayah dan ibu.**
- P4 Huraian: Mel tidak membantah ketika ibu melarangnya berhijrah ke bandar [1+1]

Satu pengajaran dalam keseluruhan cerpen:

- P1 **Kita hendaklah gigih apabila melakukan sesuatu pekerjaan.** [1+1]
Huraian : Anak-anak bangsa pada zaman dahulu cekal dan berani meneroka hutan untuk dijadikan bandar pelabuhan yang terkenal
- P2 **Kita hendaklah rajin membaca untuk meningkatkan pengetahuan.** [1+1]
Huraian : Mel telah mengkaji teks Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah serta membaca banyak buku lama milik ibunya.
- P3 **Kita tidak boleh mudah putus asa apabila menemui kegagalan.** [1+1]
Huraian : Mel meminta izin daripada ibunya sekali lagi apabila dia sudah bersedia untuk tinggal di kota walaupun hasratnya itu pernah dihalang oleh ibunya.

((Pengajaran lain yang berkaitan boleh diterima)

[Maksimum: 4 markah]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud *datanglah pula bala*

- P1 mengakibatkan/menyebabkan musibah/bencana/malapetaka [2m]
P2 mengakibatkan/menyebabkan bala [1m]
P3 datanglah musibah/bencana/malapetaka [1m]

[Maksimum 2 markah]

(ii) **Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Temenggung:**

- P1 Temenggung menyuruh orang memberitahu orang kaya-kaya berkawal di kampungnya.
P2 Temenggung menyuruh orang memberitahu saudagar berkawal di kampungnya.
P3 Temenggung mengarahkan orang-orangnya berkawal dengan senjata seperti lembing dan perisai pada waktu malam.

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) **Kegiatan kecurian itu perlu dibanteras dengan segera:**

- P1 Masyarakat dapat meneruskan kehidupan seharian dengan tenang
P2 Keselamatan diri dan keluarga terjamin
P3 Harta benda rakyat terpelihara
P4 Imej negara tidak terjejas
P5 Rakyat dan negara tidak mengalami kerugian kerana kehilangan harta benda

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

Soalan 2(d) : Puisi Tradisional(i) **Setelah istana siap dibina:**

- P1 Semua tukang meninggal dunia
- P2 Tiada orang lain dapat meniru
- P3 Dipersembahkan kepada sultan dan permaisuri

[Maksimum: 2 markah]

(ii) **Fungsi istana:**

- P1 lambang kemegahan
- P2 kubu pertahanan
- P3 tempat tinggal keluarga diraja
- P4 pusat pengembangan ekonomi
- P5 pusat kebudayaan
- P6 pusat penyebaran agama

(Jawapan lain boleh diterima)

[Isi cukup: 2 isi]

[Maksimum: 3 markah]

(iii) Nilai dalam seloka

Perenggan pertama :

- P1 Ketaatan [1m]
- P2 Kegigihan [1m]

[Perenggan kedua :

- I P3 Bertanggungjawab [1m]
- I P4 Kebijaksanaan [1m]

s

i [Isi cukup: 4 isi]

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
5. Jika kedua-dua perkataan dibina dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
7. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
8. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan**3(a) Bina ayat**

- (i) **serbah-serbih** - *tidak kemas (pakaian dll).*
- (ii) **punah-ranah** - *rosak binasa;*
- (iii) **ulang-alik** - *kerap kali (berkali-kali) pergi dan balik, bolak-balik, mundar-mandir*
- (iv) **calar-balar** - *banyak garis yang tidak keruan, penuh dengan calar;*
- (v) **kusut-masai** - *sangat kusut;*
- (vi) **terang-benderang** - *terang sekali*

[6 markah]

3(b) Menukarkan ayat pasif kepada ayat aktif

- (i) Barang itu perlu segera kalian ambil.
Kalian perlu segera mengambil barang itu.
Kalian perlu mengambil barang itu segera.
Kalian perlu mengambil segera barang itu (Tidak diterima)
- (ii) Mesyuarat itu saya hadiri semalam.
Saya menghadiri mesyuarat itu semalam.

- (iii) Nota kuliah tadi perlu anda catat.
Anda perlu mencatat nota kuliah tadi.
- (iv) Mi goreng itu telah saya beli.
Saya telah membeli mi goreng itu.
- (v) Novel tebal itu ditulis oleh penulis muda.
Penulis muda menulis novel tebal itu.
- (vi) Baju disidai oleh kakak di halaman rumah.
Kakak menyidai baju di halaman rumah.

[6 markah]

3(c) Kesalahan ejaan dan imbuhan**Kesalahan ejaan**

- (i) anti-sosial - antisosial
- (ii) hakmilik - hak milik
- (iii) ajensi - agensi

Kesalahan imbuhan

- (i) pendidikkan - pendidikan
- (ii) berhasratkan - berhasrat
- (iii) pengajian - kajian

[6 markah]

3(d) Kesalahan istilah atau kata dan tatabahasa

- (i) dihalakan - dihadapkan
- kredit kad - kad kredit
- (ii) dan - dengan
- susun arah - susun atur
- (iii) perairan - pengairan
- Para petani usahakan - diusahakan (oleh) para petani

[6 markah]

3(e) Peribahasa

- (i) Ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni /hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicecah
- (ii) Seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit
- (iii) Gunting dalam lipatan / duri dalam daging/musuh dalam selimut

[6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Peraturan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dikaji.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Markah isi maksimum 4.
(iv) Berikan **1 markah** bagi setiap peristiwa menarik dan **1 markah** bagi setiap sebab
(v) Markah bahasa maksimum 3.
(vi) Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah
(vii) Jika calon menjawab dan markah isi **0**, beri **1 markah** untuk bahasa.
(viii) Calon tidak menjawab **0 markah**.

[Maksimum : 7 markah]

- (b) (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Markah isi maksimum 6.
(iv) Beri 1 markah bagi setiap **pengajaran kerjasama**.
(v) Beri 2 markah bagi setiap huraian / contoh yang betul untuk setiap **pengajaran kerjasama**.
(vi) Markah bahasa maksimum 2.
(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
(ix) Jika calon menjawab dan markah isi **0**, beri **1 markah** untuk bahasa.
(x) Calon tidak menjawab **0 markah**.

[Maksimum : 8 markah]

Jawapan 4(a)**Di Sebalik Dinara**

Peristiwa Menarik (1m)	Sebab Menarik (1m)
Aqram berusaha mendapatkan bukti kukuh untuk memastikan Farisha merupakan orang yang memang dicari. Aqram telah mengambil cawan yang mempunyai kesan air liur Farisha untuk ujian DNA.	Menimbulkan perasaan ingin tahu pembaca tujuan Aqram mengambil bekas minuman Farisha di dalam pesawat.
Pengarang telah memaparkan pelbagai kecanggihan teknologi dalam novel ini. Antaranya, Azraai memasang 'retinal scanner' dan menyambung interkom apartmen Farisha dengan rumahnya. Selain itu, Dr. Maxi telah menyerahkan 'penetrator' iaitu satu silinder logam sepanjang 6cm yang digunakan untuk melemahkan WALL yang ada pada diri Farisha. Aqram telah memakai jam tangan yang menjadi pusat kawalan elektroniknya.	Memaparkan kecanggihan sains dan teknologi.

Silir Dakina

Peristiwa Menarik (1m)	Sebab Menarik (1m)
Haikal menerima manuskrip yang dikirim oleh seorang yang tidak dikenali.	Menimbulkan perasaan tertanya-tanya pembaca tentang manuskrip lama yang diterima oleh Haiqal.
Pembaca tertanya-tanya punca sebenar ayah kandung Haiqal bercerai dengan uminya. Pembaca juga dapat mengetahui bahawa uminya telah berkahwin dengan Abdul Fatah.	Menyebabkan pembaca ingin tahu punca penceraian antara ibu Haiqal dengan ayah kandungnya.
Banyak nilai murni telah diterapkan oleh pengarang. Antaranya, nilai bersopan santun. Watak utama, iaitu Haiqal Haqimi, merupakan seorang lelaki yang bersopan santun. Haiqal yang menggunakan nada sopan ketika bertutur dengan uminya telah menunjukkan pengajaran, iaitu kita hendaklah menghormati ibu bapa.	Menerapkan nilai-nilai murni kepada pembaca.

Novel Songket Berbenang Emas

Peristiwa Menarik (1m)	Sebab Menarik (1m)
Azhari bertanya kepada Dahlia tentang hajatnya untuk membawa keluarganya ke rumah Dahlia bagi membincangkan hubungan mereka secara serius.	Memaparkan kepentingan pelajaran daripada perkara lain.
Tindakan Dahlia yang berusaha memujuk dan membawa emaknya yang mengalami masalah kemurungan dengan bercakap sendirian dan sesekali ketawa di kebun getah balik ke rumah.	Seorang anak tetap mengambil berat akan keluarganya.
Tindakan Dahlia keluar dari asrama dan berulang alik ke sekolah setiap hari demi membantu ayahnya menguruskan adik-adik dan ibunya yang sakit.	Anak yang mempunyai perasaan belas ihsan dan prihatin terhadap masalah keluarganya.

Novel Jendela Menghadap Jalan

Peristiwa Menarik (1m)	Sebab Menarik (1m)
Hakikatnya Lili tidak begitu gembira dengan percutiannya kembali ke kampung secara bersendirian, namun sebagai anak yang taat, dia akur akan kehendak ibunya.	Menunjukkan seorang anak taat akan perintah ibunya walaupun dia terpaksa mengetepikan perasaannya sendiri
Lili mulai jatuh hati akan keindahan kampung dan keramahan penduduknya walaupun pada mulanya tidak pasti apa yang akan berlaku setelah sampai di kampung tersebut.	Memaparkan sikap positif seseorang terhadap sesuatu perkara.

Leftenan Adnan Wira Bangsa

Peristiwa Menarik (1m)	Sebab Menarik (1m)
Sewaktu zaman kanak-kanak Adnan gemar bermain keris kayu pemberian ayahnya.	Memperlihatkan sifat keperwiraan seseorang.
Adnan mendesak ayahnya Pak Saidi mengajarnya bersilat kerana dia mahu mencontohi Hang Tuah.	Menunjukkan sikap untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran.

Tirani

Peristiwa Menarik (1m)	Sebab Menarik (1m)
Waheeda sibuk melayari laman sesawang tentang kecantikan diri seorang wanita yang merupakan sinonim dengan sifatnya yang terlalu obses dengan kecantikan.	Memperlihatkan sikap sesetengah wanita yang terlalu obses dengan kecantikan.
Waheeda teringat peristiwa dia mengejar kawan-kawannya yang mengejeknya sehingga kainnya terkoyak.	Memaparkan sikap ingin mempertahankan diri setelah bersabar sekian lama.
Keriuhan pekerja homestay iaitu Fatimah, Babu Saiyidah, Liya dan Nani di homestay Tajau Emas yang sibuk dengan persediaan untuk menyambut kedatangan pelancong Inggeris.	Menunjukkan sikap kerjasama antara pekerja.

Pantai Kasih

Peristiwa Menarik (1m)	Sebab Menarik (1m)
Seorang doktor berusaha bersungguh-sungguh menyelamatkan nyawa pesakit. Dr Raiha memastikan tugasnya melakukan operasi pembedahan sendi tulang pinggul terhadap Unong Siron berjaya	Memperlihatkan sifat bertanggungjawab/komited individu dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan.
Seorang ayah yang sentiasa mengambil berat tentang kehidupan anak. Bapa Dr Raiha sentiasa menasihati Dr Raiha agar tidak memilih Dr Sadiz sebagai pasangan hidup kerana didapati kurang sesuai. Bapanya juga sering menasihatinya agar tidak memilih kerjaya seorang pakar bedah yang terlalu sibuk dan tiada masa bersama-sama keluarga.	Menunjukkan keprihatinan dan kasih sayang seorang bapa kepada anak-anak

Bimasakti Menari

Peristiwa Menarik (1m)	Sebab Menarik (1m)
Peristiwa seorang ahli sains memandu rombongan dari Jepun dalam pencarian bintang-bintang di langit. Nurul Hafsha cekap menjawab pelbagai soalan daripada Hotaru ketika bertanya tentang bintang di langit ,contohnya pandangan ilmuwan Islam tentang ilmu falak.	Memperlihatkan sifat melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dalam bidang tugas yang diceburi.
Peristiwa keberanian seorang ahli sains berjanji memulihkan keadaan langit di Kuala Selangor. Walaupun baru sehari bekerja di Balai Cerap Sultan Salehuddin, Nurul Hafsha berani berjanji dengan pengunjung-pengunjung yang ingin mencerap bintang bahawa keadaan langit di	Memperlihatkan sikap berani dan bertanggungjawab ketika menjalankan tugas yang telah diamanahkan.

Kuala Selangor akan dipulihkan untuk memastikan aktiviti pencerapan bintang berjaya dilaksanakan	
<p>Peristiwa kemesraan ibu dan anak walaupun hidup terpisah.</p> <p>Muhammad Taufik dan ibunya, Mariam Wickham yang hidup terpisah bertanya khabar tentang kehidupan masing-masing. Ibunya bertanyakan Muhammad Taufik tentang projek Ikhtiar Teknoalam, iaitu rumah yang dibina atas konsep mesra alam</p>	<p>Menunjukkan kasih sayang ibu dan anak sememangnya kekal abadi.</p>

Jawapan soalan 4(b)

Songket Berbenang Emas

Pengajaran (1m)	Peristiwa (2m)
<p>Kita hendaklah bekerjasama menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh orang lain.</p>	<p>Kavita membantu Dahlia mengulang kaji pelajaran dengan memberikan nota pelajaran sepanjang ketidakhadirannya ke sekolah.</p> <p>Najib cuba menghulurkan bantuan kewangan semasa Nek Kiah beria-ia ingin menjual tanahnya yang menjadi tempat tinggal Dahlia dan keluarganya.</p>
<p>Kita hendaklah bekerjasama dengan penduduk kampung untuk membantu mereka yang berada dalam kesusahan..</p>	<p>Penduduk Kampung Parit Haji Rais bekerjasama membina rumah Embong setelah rumahnya musnah dilanda banjir.</p>

Jendela Menghadap Jalan

Pengajaran (1m)	Peristiwa (2m)
Kita mestilah bekerjasama dalam menyelesaikan masalah.	Lili, Danel dan Geetha saling membantu menyelesaikan masalah kubah surau yang dihadapi oleh penduduk Kampung Sentosa.
Kita hendaklah bekerjasama membantu jiran walaupun berlainan bangsa.	Tauke Lim banyak membantu keluarga Embong yang sering menghadapi masalah kewangan. Tauke Lim membenarkan Embong berhutang di kedainya. Tauke Lim juga menghulurkan RM300 untuk Dahlia yang dapat melanjutkan pelajaran ke Jepun.

Leftenan Adnan Wira Bangsa

Pengajaran (1m)	Peristiwa (2m)
Kita hendaklah bekerjasama ketika melakukan sesuatu aktiviti.	Pihak askar Melayu dan tentera British turut sama membantu meringankan bebanan penduduk yang terpaksa berpindah secara mendadak.
Kita hendaklah bekerjasama untuk melindungi mangsa kezaliman	Penduduk Kampung Sungai Ramal bekerjasama menyembunyikan Sophia dan anak-anaknya semasa Jeneral Mutuguchi datang mencari ahli keluarga Leftenan Adnan untuk membalas dendam.
Kita hendaklah bekerjasama mempertahankan tanah air	Leftenan Adnan dan Pasukan Rejimen Askar Melayu bekerjasama dengan tentera British untuk menentang tentera Jepun di Bukit Candu.
Kita hendaklah bekerjasama untuk menghapuskan pengkhianat negara.	Penghulu Deraman telah melaporkan perbuatan Samad yang menjadi tali barut Jepun kepada Leftenan Adnan. Pada waktu malam, Leftenan Adnan membawa anggotanya ke tempat persembunyian pengintip Jepun itu. Samad bersama-sama dengan tiga orang pengintip Jepun berjaya ditewaskan.

Tirani

Pengajaran (1m)	Peristiwa (2m)
Kita hendaklah bekerjasama dalam menjayakan sesuatu urusan.	Masyarakat Kampung Matang bekerjasama dalam menguruskan majlis perkahwinan Zahid dan Wahida. Doktor bekerjasama dan berganding bahu dalam proses perjalanan pembedahan dan rawatan Waheeda.
Kita hendaklah bekerjasama memajukan perniagaan	Waheeda bekerjasama dengan ibu bapanya untuk membangunkan perniagaan mereka. Di Aya-Sajinah, Waheeda, Izzati dan Lais bekerjasama membangunkan perniagaannya. Warga Kerja Tajau Emas saling bekerjasama dalam menyediakan kemudahan dan aktiviti yang menarik kepada para pengunjung / menyambut tetamu dan menyediakan makanan.

Di Sebalik Dinara

Pengajaran (1m)	Peristiwa (2m)
Kita mestilah bekerjasama dalam memajukan syarikat .	Farisha dan Rosman saling bekerjasama membangunkan syarikat perkongsian mereka, iaitu Secured Shell. Mereka juga bekerjasama untuk menjalankan projek mini yang ditawarkan oleh Syarikat Soft Lab.
Kita mestilah bekerjasama dalam sesuatu urusan atau pekerjaan.	Aqram, Dr. Maxi dan Khairul Anwar bekerjasama untuk menyelamatkan Dinara. Dr. Maxi telah mengarahkan Aqram menjejaki Farisha untuk menggodam sistem Dinara.

Silir Daksina

Pengajaran (1m)	Peristiwa (2m)
Kita hendaklah bekerjasama dalam menjalankan sesuatu program atau aktiviti.	Tauke Ong dan penduduk Kampung Seri Purnama bekerjasama menjayakan majlis persembahan tarian zapin untuk dipersembahkan kepada Yang Berhormat Datuk Syaiful Azizi. Bermula daripada mesyuarat, membuat persiapan tempat dan menyediakan jamuan, semuanya dilakukan bersama-sama dengan sepakat.
Kita mestilah bekerjasama dalam melakukan tugas yang diberi	Ong See Hwa dan penduduk kampung bekerjasama dengan Haiqal untuk menubuhkan AKSARA sehingga mereka berjaya mengadakan persembahan zapin di balai raya Kampung Sri Purnama.

Bima Sakti Menari

Pengajaran (1m)	Peristiwa (2m)
Kita hendaklah bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu tugas.	Kerjasama antara Nurul Hafsa dengan Muhammad Taufik untuk membuat pembentangan tentang projek kawasan simpanan langit gelap sepenuhnya dalam masa dua tahun akan datang. Nurul dan Taufik bersungguh-sungguh bekerjasama untuk menyiapkan tugas tersebut dengan sempurna.
Kita hendaklah bekerjasama untuk menempuh dugaan atau cabaran dalam mencapai matlamat.	Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik bekerjasama menempuh pelbagai dugaan khususnya daripada Datuk Johan Arlington-Majid untuk mengembalikan kegelapan di Kuala Selangor. Mereka bekerjasama mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan untuk merealisasikan impian mereka.

Pantai Kasih

Pengajaran (1m)	Peristiwa (2m)
Kita hendaklah bekerjasama melaksanakan tugas sehingga berjaya.	Kerjasama antara Dr. Raiha, Dr. Alex Ng, Dr. Muhammad dan beberapa orang jururawat yang bekerjasama menjalankan pembedahan ke atas Unong Siron. Pembedahan yang dilakukan ke atas sendi pinggulnya buat kali keenam akhirnya berjaya dilakukan.
Kita hendaklah bekerjasama untuk memajukan perniagaan	Kerjasama antara Dr. Uwang, Dr. Raiha dan doktor-doktor lain untuk memajukan Pusat Rawatan Pantai Kasih.
Kita janganlah bekerjasama dalam melakukan perkara-perkara yang negatif	Felicia Landosi bekerjasama dengan Dr. Sadiz menyebabkan kematian anak Dr Raiha iaitu Rahayu.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT